

# Pungutan suara Serb patut ditolak

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan puak Serb mengadakan pungutan suara bagi mengesahkan keputusan dewan perhimpunannya menolak rancangan damai antarabangsa dalam usaha menyelesaikan konflik di Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pungutan suara itu tidak bermakna kerana keadaan sebenar di bekas Yugoslavia sudah diketahui umum.

"Kalau hendak diadakan pungutan suara, ia mestilah membabitkan semua rakyat Bosnia termasuk orang Islam yang terpaksa keluar dari negara itu.

"Sekarang ada lebih

dua juta orang Bosnia terpaksa lari keluar, termasuk ke Malaysia. Orang ini mesti diberi hak untuk menyertai pungutan suara, bukan mereka yang tinggal di sana saja kerana di antara yang tinggal itu, puak Serb sudah membunuh lebih 300,000 orang," katanya.

Dr Mahathir menjawab soalan pemberita selepas melancarkan kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 1994, di sini hari ini.

Pemimpin puak Serb, Radovan Karadzic, dilaporkan berkata satu pungutan suara akan diadakan pada 27 dan 28 Ogos ini bertujuan mengesahkan keputusan dewan perhimpunan menolak rancangan damai antarabangsa.